

[THE CONCEPT OF THE MIRACLE OF AL-QURAN ACCORDING TO VIEWS OF THE ISLAMIC SCHOLAR : A REVIEW]

TINJAUAN TERHADAP KONSEP KEMUKJIZATAN AL-QURAN MENURUT PANDANGAN ULAMA

WAN HELMY SHAHRIMAN WAN AHMAD¹

¹ Akademi Pengajian Kontemporari Islam (ACIS), UiTM Terengganu, Malaysia.
Email: wanhelmy@uitm.edu.my

Received: 5 January 2021

Accepted: 14 February 2021

Published: 22 March 2021

Abstract

The miracles of the Prophet Muhammad SAW have their own specialization compared to the miracles of the other Prophets. All the previous miracles were limited by space and time which were only shown to certain people and certain times only. While the miracles of the Qur'an are universal and eternal which applies to all mankind and the period of time until the end of time. This is because, the Qur'an is the greatest miracle of all the miracles given by Allah SWT. to the previous Prophets and to the Prophet Muhammad SAW. alone. Al-Quran al-Karim as the greatest miracle among the miracles given to him by the Prophet Muhammad SAW. in the form of spiritual miracles as well as being rational and permanent at all times. This paper attempts to review and analyze the views of the scholars 'ulum al-Quran on the topic of miracles of the Qur'an in terms of definition, classification and aspects related to the miracles of the Qur'an. The author attempts to collect, organize, analyze and process the views of scholars critically on discussions that touch on the miracles in general and the miracles of the Qur'an in particular. The results of the author's observations found that the relevant discussion of the concept of miracles among scholars has classified the concept of miracles in general into miracles of hissi and miracles of ma'nawi. Next, the focus of the scholars' discussion on the division of the miraculous aspects of the Qur'an focuses on the miracles of language, the Shariah aspect, the news of the supernatural and the aspects of the scientific miracle.

Keywords: *Quran, miracles, miracles of the Quran, scholars*

Abstrak

Mukjizat Nabi Muhammad SAW memiliki pengkhususan tersendiri berbanding dengan mukjizat Nabi-Nabi lainnya. Semua mukjizat sebelumnya dibatasi oleh ruang dan waktu yang hanya diperlihatkan kepada umat tertentu dan masa tertentu sahaja. Sedangkan mukjizat al-Quran bersifat universal dan abadi yang berlaku untuk semua umat manusia dan tempoh masanya sampai akhir zaman. Hal ini kerana, al-Quran adalah sebagai mukjizat terbesar dari semua mukjizat-mukjizat yang diberikan Allah SWT. kepada para Nabi sebelumnya dan kepada Nabi Muhammad SAW. sendiri. Al-Quran al-Karim sebagai mukjizat terbesar di antara mukjizat-mukjizat yang diberikan kepadanya Nabi Muhammad SAW. berupa mukjizat *ruhiyyah* serta bersifat rasional dan kekal sepanjang masa. Penulisan

ini coba meninjau dan menganalisis pandangan para ulama *'ulum al-Quran* terhadap topik mukjizat al-Quran dari sudut definisi, klasifikasi serta aspek-aspek yang berkaitan dengan kemukjizatan al-Quran. Penulis coba mengumpulkan, menyusun, menganalisis dan mengolah pandangan-pandangan ulama secara kritis terhadap perbincangan yang menyentuh kemukjizatan secara umum dan kemukjizatan al-Quran secara khusus. Hasil dari pemerhatian penulis mendapati bahawa perbincangan berkaitan tentang konsep kemukjizatan ini dikalangan ulama telah mengklasifikasi konsep kemukjizatan secara umum kepada mukjizat *hissi* dan mukjizat *ma'nawi*. Seterusnya penumpuan perbincangan ulama terhadap pembahagian aspek-aspek kemukjizatan al-Quran banyak tertumpu kepada kemukjizatan bahasa, aspek Syariah, perkhabaran perkara ghaib dan aspek kemukjizatan saintifik.

Kata Kunci: Al-Quran, mukjizat, kemukjizatan al-Quran, ulama.

PENGENALAN

Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul-Nya kepada manusia adalah untuk menyampaikan dan menyeru ajaran-Nya kepada umat manusia. Di antara manusia, ada yang mengimani kenabian dan kerasulan tersebut, namun tidak sedikit pula yang mengingkarinya. Untuk mengukuhkan legitimasi kehadiran mereka sebagai utusan-Nya, Allah menguatkan mereka dengan keistimewaan mukjizat-mukjizat.

Mukjizat-mukjizat tersebut dijadikan sebagai suatu cabaran kepada pembangkangnya untuk mendatangkan hal serupa jika mereka tetap bertegas tidak menerima keimanan terhadap sifat kerasulan dan kenabian utusan-Nya. Al-Quran adalah salah satu dari mukjizat-mukjizat tersebut, diberikan oleh Allah SWT. khusus kepada utusan-Nya nabi Muhammad SAW. Al-Quran adalah mukjizat Baginda yang bersifat abadi, yang tidak habis atau terhenti bersamaan dengan wafatnya baginda SAW. Sifat cabaran kepada penguinkarannya terus berlaku sepanjang zaman. Ketidakmampuan manusia sampai hari ini untuk mendatangkan semisal dengannya, merupakan mukjizat luar biasa yang menakjubkan.

Penulisan tentang Konsep Kemukjizatan Al-Quran Menurut Pandangan Ulama: Satu Sorotan Ini Adalah Satu penulisan berbentuk pendekatan Kualitatif dengan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Data-data penelitian dari skop kajian iaitu pandangan-pandangan ulama terhadap konsep kemukjizatan al-Quran dan dianalisis melalui metode penganalisisan kandungan dokumen (*content analysis*) serta perbandingan yang berobjektifkan,

- i. Meneliti pandangan-pandangan ulama secara kritis terhadap konsep kemukjizatan secara umum dan kemukjizatan al-quran secara khusus.
- ii. Meneliti dari sudut penumpuan perbincangan ulama terhadap klasifikasi serta aspek-aspek konsep kemukjizatan al-Quran.

DEFINISI MUKJIZAT MENURUT PANDANGAN ULAMA

Mukjizat adalah perkataan melayu yang berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu *mu'jizah* (معجزة). Menurut Ibn Manzur (1975) *Mu'jizah* secara etimologinya berasal dari kata perbuatan '*ajaza* (عَجَزَ) yang bermaksud tidak berkemampuan atau suatu yang melemahkan musuh apabila dicabar (al-Razi, t.th.).

Al-Quran hanya menggunakan perkataan 'ajaza dalam bentuk kata perbuatan seumpama dalam surah al-Ma'idah (5) ayat 31, Fatir (35) ayat 44 dan al-Jin (72) ayat 12. Juga kata nama *mu'jizin* yang bermaksud orang-orang yang lemah seperti dalam surah al-An'am (6) ayat 134, surah Yunus (10) ayat 53 dan Hud (12) ayat 20. Perkataan yang dikenal pasti dalam al-Quran bagi menunjukkan maksud mukjizat ialah *ayah* (آية) sebagaimana di dalam surah al-Mu'min (40) ayat 78, *bayyinah* (بينات) di dalam surah al-Baqarah (2) ayat 87 dan juga *barahin* (براهين) di dalam al-Qasas (28) ayat 32 (Juriah, 1998).

Dari sudut terminologi, terdapat pelbagai pengertian yang diberikan. Meskipun terdapat pelbagai interpretasi yang dikemukakan, namun tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi ciri-ciri dan syarat-syaratnya. Seumpama pandangan al-Suyuti (t.th.), mukjizat ialah perkara luarbiasa yang ada hubungannya dengan cabaran dan bebas dari sebarang penentangan.

Al-Sabuni (1969) pula berpandangan, mukjizat ialah kejadian yang menyalahi adat, yang berlaku kepada mereka yang mendakwa dirinya rasul semasa mencabar penentangannya. Namun penentangannya itu tidak mampu untuk mengadakan yang seumpamanya. Kehadirannya adalah anugerah Allah bagi membuktikan kebenaran rasul itu tanpa diragui lagi.

Berbeza dari definisi di atas, menurut Sa'id Ramadan al-Buti (1397H), mukjizat berlaku apabila nabi dicabar oleh penentangannya. Beliau mendefinisikan mukjizat sebagai segala perkara yang menarik adat, yang berlaku ke atas mereka yang mendakwa sebagai nabi ketika mana ianya dicabar oleh penentangannya dan bertujuan untuk membuktikan kebenaran dakwaannya itu. Satu definisi yang lebih tuntas telah dikemukakan oleh al-Nasafi. Menurut beliau mukjizat ialah perintah Allah yang luar biasa yang berlaku di muka bumi ini pada zaman taklif, bagi menunjukkan kebenaran mereka yang mendakwa sebagai rasul, di samping melemahkan mereka yang cuba mencabarnya bagi melakukan sesuatu yang seumpamanya (t.th.).

Daripada definisi-definisi serta penghuraian yang dikemukakan di atas, dapat lah dirumuskan bahawa mukjizat adalah perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT. hanya kepada para rasul-Nya yang bertujuan untuk membuktikan kebenaran risalah yang dibawa serta melemahkan mereka yang menentangnya.

KLASIFIKASI MUKJIZAT

Klasifikasi mukjizat ini bukanlah suatu yang mutlak daripada al-Quran mahupun hadis. Kedua-dua Sumber ini tidak membahagikan mukjizat kepada klasifikasi tertentu. Pembahagian ini adalah lahir dari ijtihad para ulama berdasarkan elemen tertentu yang bertujuan menyistematikkan perbincangan mereka tentang mukjizat.

Mukjizat para nabi diklasifikasikan kepada dua iaitu mukjizat *hissi* dan mukjizat *ma'nawi* ('Abd Allah Ni'mah, 1983). Kedua-dua klasifikasi merupakan anugerah istimewa khusus kepada nabi Muhammad SAW. Baginda memiliki kedua-dua klasifikasi tersebut iaitu al-Quran sebagai mukjizat *ma'nawi* dan yang lain daripada al-Quran sebagai mukjizat *hissi*. Berbeza dengan para nabi yang lain yang hanya memiliki mukjizat *hissi*.

Berbeza dengan klasifikasi yang dinyatakan di atas, *Fakhr al-Din al-Razi* memberikan sesuatu pengklasifikasian yang berlainan dari yang dinyatakan yang di atas. Menurut beliau mukjizat nabi Muhammad SAW selain daripada al-Quran terbahagi kepada dua iaitu *hissiyyah* dan *'aqliyyah* (t.th.). *Hissiyyah* pula terbahagi kepada 3 iaitu (i) Perkara yang berlaku pada batang tubuh Rasulullah SAW. (ii) Perkara yang berlaku bukan pada batang tubuh Rasulullah SAW dan (iii) Perkara yang berkaitan dengan sifat Rasulullah SAW.

Bagi mukjizat *'aqliyyah* pula, terbahagi kepada beberapa bahagian dan dapat disimpulkan sebagaimana berikut,

- i. Tahap pengetahuan baginda tentang Allah (SWT) dan sifat-sifat-Nya serta hukum-hukum-Nya adalah tinggi dan tidak terjangkau oleh golongan cerdik pandai ketika itu, sedangkan baginda tidak pernah memperkatakan serta mempelajari tentang persoalan ketuhanan sebelum daripada mengisytiharkan risalah dan kenabiannya. Baginda juga turut menyampaikan tentang peristiwa-peristiwa yang telah dan akan berlaku.
- ii. Tidak pernah cintakan harta benda yang ditawarkan bahkan sentiasa bersabar dalam menghadapi segalanya dan tetap dengan pegangannya sehinggalah dakwahnya diterima.
- iii. Terdapat perkhbarannya tentang kenabiannya dalam kitab Taurat dan Injil.

Penyenaraian yang dilakukan oleh *al-Razi* di atas pada pandangan penulis, Tidak semuanya termasuk dalam kategori mukjizat. Sebaliknya adalah lebih tepat dikategorikan sebagai bukti-bukti kenabian, Ianya lebih umum berbanding mukjizat.

a) Mukjizat *Hissi*

Mukjizat *Hissi* ialah mukjizat yang dapat dicapai dan dirasai oleh pancaindera atau pandangan mata kasar (Ibn Manzur, 1975). Dari sudut penggunaan istilah, mukjizat *Hissi* dinamakan juga *mu'jizah al-hawadith* (معجزة الحوادث) (Ahmad 'Abd al-Wahhab, 1979), *mu'jizah kawniyyah* (معجزة كونية) (al-Suyuti, t.th.) dan *mu'jizah al-maddiyyah* (معجزة المادية) ('Abd al-Jabbir, 1965). Menurut Sayyid Sabiq (t.th.) mukjizat ini lebih mempengaruhi jiwa umum dan mudah difahami oleh semua golongan manusia berbanding mukjizat *ma'nawi*. Justeru, mukjizat para nabi terdahulu adalah dalam bentuk *Hissi* yang sejajar dengan kelemahan pemikiran umat ketika itu. Kewujudan mukjizat *Hissi* adalah dalam masa yang terbatas kerana kedudukan para nabi terdahulu yang terbatas kepada sesuatu tempat, masa dan kumpulan yang tertentu. Antara contoh mukjizat *hissi* ialah api menjadi sejuk semasa nabi Ibrahim a.s dicampakkan ke dalamnya sebagaimana yang diceritakan dalam surah al-Anbiya' pada ayat 69 (Ahmad Abd al-Jawwad, t.th.). Tongkat nabi Musa a.s bertukar menjadi ular besar dan memakan ular-ular ahli sihir juga terdapat dalam al-Quran dalam surah al-Anbiya' pada ayat 58 hingga 60 (al-Naisaburi, t.th.), lautan terbelah dua apabila dipukul dengan tongkat oleh nabi Musa a.s yang terkandung kisah dalam surah al-Syu'ara' pada ayat 63 dan nabi 'Isa a.s dapat menyembuhkan orang buta serta menghidupkan orang mati dalam surah Ali- 'Imran ayat 48 hingga 51.

b) Mukjizat *Ma'nawi*

Mukjizat *ma'nawi* ialah mukjizat yang hanya dapat dilihat menerusi pandangan mata hati (Badran Abu al-'Ainain, t.th.). Sebagaimana yang telah dijelaskan, mukjizat ini hanya dianugerahkan kepada nabi Muhammad (SAW). sahaja iaitu al-Quran. Berbeza dengan mukjizat-mukjizat *hissi*, Mukjizat al-Quran adalah kekal selama kekalnya bangsa manusia. Sebaliknya mukjizat *hissi* hanya dapat disaksi pada ketika seseorang nabi itu masih ada (al-Maturidi, t.th.).

Selain mukjizat *ma'nawi*, al-Quran juga dipanggil *mu'jizah 'aqliyyah* (معجزة عقلية - berbentuk pemikiran) (Umar Abdul Wahhab, 1979) dan *mu'jizah ghayr al-maddiyyah* (معجزة غير المادية - bukan berbentuk material) (Abdullah Ni'mah, 1983). Gelaran ini bersesuaian dengan hakikat kemukjizatan al-Quran yang hanya dapat diketahui apabila ayat-ayatnya dikaji.

Kemukjizatnya juga tidak dapat disentuh dengan tangan atau sekadar diperhatikan dengan mata kasar sahaja (Ahmad Syalabi, 1979).

Rasional penurunan al-Quran sebagai mukjizat *ma'nawi* adalah selaras dengan kedudukan nabi Muhammad SAW. sebagai nabi terakhir serta risalah dan syariatnya yang umum dan kekal hingga ke akhir generasi manusia (Abd al-Ghani Muhammad Sa'ad Barakah, 1989). Firman Allah (SWT):“Bukanlah nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” Al-Ahzab (33): 40

Agama yang dibawa ini perlu kepada sandaran yang sama bentuknya sebagai penyokong atau saksi kebenaran yang berterusan bahawa ini adalah daripada Allah SWT. Dalam hal ini, menurut Abu Zuhrah, (t.th.). mukjizat *hissi* adalah tidak sesuai kerana hanya berlaku atau wujud seketika waktu dan tempat sahaja. Selain itu, Mukjizat *hissi* hanya dapat dilihat oleh segolongan generasi manusia sahaja dan generasi yang seterusnya hanya sekadar akan mendengar ceritanya sahaja

Mukjizat *ma'nawi* juga bersesuaian dengan tahap perkembangan pemikiran manusia. Al-Quran diturunkan ketika tahap pemikiran manusia semakin meningkat dan kreatif. Justeru mereka tidak menganggap sesuatu yang ajaib itu sebagai satu-satunya *dalil* yang memadai untuk mengiktiraf kebenaran seorang rasul. Malahan mereka memerlukan sesuatu yang baru yang bersesuaian dengan tahap akal mereka. Justeru itu diturunkan al-Quran yang juga merupakan mukjizat ilmiah dan hujjah aqliyyah yang bersesuaian dan dapat membuka minda manusia. (Sayyid Sabiq, t.th.)

PERSEPSI ULAMA TERHADAP KONSEP KEMUKJIZATAN AL-QURAN.

Dari sudut istilah, al-Ghazali (t.th.) mendefinisikan al-Qur'an sebagai *kalam* atau kata-kata yang wujud beserta zat Allah s.w.). Pendefinisian ini sebenarnya bertujuan untuk menegaskan bahawa al-Quran adalah suatu yang *qadim* (sedia kala) dan bukannya *hadith* (baharu). Ini bermakna al-Quran bukanlah makhluk. Menurut Badran Abu al-'Ainain (t.th.) dalam kitab *Dirasah Hawla al-Quran* berpendapat, Pandangan yang dikemukakan oleh al-Ghazali ini sebenarnya berkait rapat dengan faktor suasana pada ketika itu di mana masyarakat hangat membincangkan tentang persoalan falsafah dan mencari hakikat sesuatu.

Suatu pendefinisian yang membawakan konsep yang lebih luas dan dipersetujui oleh *jumhur ulama'* adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh ulama' *usul*. Menurut ulama' *usul*, al-Quran ialah *kalam* Allah yang bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW menerusi perantaraan Jibrail, yang ditulis dalam *mushaf*, yang dipindahkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain secara *mutawatir*, yang dianggap ibadah apabila membacanya, yang dimulakan dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas (al-Sabuni, t.th.).

Daripada pengertian yang diberikan di atas dapat disimpulkan bahawa al-Quran adalah *kalam* Allah SWT. sama ada dari segi lafaz ataupun maknanya, yang diturunkan dalam bahasa Arab. Justeru itu sebarang penterjemahan atau pentafsiran tidak dinamakan al-Quran (Syalabi, 1986). Demikian juga apa yang diwahyukan oleh Allah SWT dari segi pengertiannya dan dihuraikan semula oleh Rasulullah SAW berdasarkan kata-kata sendiri (al-Nawawi, 1991). Berkaitan dengan perbincangan mukjizat al-Quran pula, Menurut 'Abd al-Jabbar (1960) kemukjizatan al-Quran bermaksud ketidakmampuan orang-orang Arab dahulu dari segi

kelancaran bahasa (*fasahah*) untuk menandingi al-Quran meskipun *fasahah* adalah suatu yang sinonim dengan mereka

Hassan Dya' al-Din 'Attar (1975) pula berpendapat kemukjizatan al-Quran bererti kelemahan manusia keseluruhannya sama ada pakar bahasa atau para ulama untuk membuat sesuatu yang sama dengan al-Quran sama ada dari segi gaya bahasanya, perkhabarannya tentang perkara ghaib atau pelbagai aspek-aspek kemukjizatan al-Quran yang lain. Ini kerana keistimewaan al-Quran mengatasi segala kemampuan mereka.

Rasional dari kelemahan manusia pada bila-bila masa sekalipun untuk mengatasi al-Quran ialah bukti yang jelas bahawa al-Quran adalah kalam Allah SWT. Manakala nabi Muhammad SAW selaku penyampai al-Quran adalah sememangnya utusan Allah SWT. Sebagai kitab *samawi* yang juga mukjizat, al-Quran terpelihara sepanjang zaman dari sebarang perubahan dan penyelewengan (al-Zarqani, 1988)

ASPEK-ASPEK MUKJIZAT AL-QURAN.

Al-Quran merupakan salah satu daripada mukjizat yang dianugerahkan Allah SWT kepada Rasul-Nya yang terakhir, Sayyidina Muhammad SAW. Kehebatannya terus berkekalan sejak lebih kurang 1400 tahun yang lalu sehingga ke hari ini dan sampailah ke hari kiamat. Antara hikmahnya ialah agar umat manusia pada akhir zaman ini dapat menguatkan lagi keimanan mereka terhadap agama suci ini secara amnya dan kebenaran kitab Allah SWT. khususnya. Justeru, mereka akan menjalani kehidupan di muka bumi Allah ini berpandukan kepada kitab suci tersebut demi mencapai kebahagiaan di dunia akhirat. Al-Quran sebagai mukjizat dapat juga dibuktikan daripada ayat-ayatnya sendiri. Ayat-ayat tersebut sama ada dalam bentuk yang jelas mengakui tentang kemukjizatannya atau tentang elemen-elemen yang dimilikinya yang membolehkan ia dikatakan mukjizat. Pemahaman langsung daripada nas dapat dilihat daripada firman Allah (SWT): “(Patutkah mereka meminta mukjizat-mukjizat yang lain?) tidakkah cukup bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu Al-Quran yang dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya Al-Quran yang diturunkan itu mengandungi rahmat dan peringatan bagi orang-orang yang beriman.” Al-'Ankabut (29): 51

Secara umumnya didapati, ulama telah sepakati tentang kemukjizatan al-Quran itu sendiri kerana tidak ada seorang manusia yang mampu untuk mendatangkan sesuatu yang setanding dengannya. Namun mereka masih lagi berbeza pendapat tentang aspek-aspek al-Quran yang boleh dikategorikan sebagai mukjizat.

Sebahagian mereka berpendapat bahawa mukjizat al-Quran itu terletak pada aspek *nazamnya* (rangkaiannya prosa kata) yang asing dan sama sekali berbeza dengan rangkaian orang-orang Arab atau prosa mereka, sama ada pada permulaan surah, pertengahan dan di akhir surah.

Sebahagian lain berpendapat, aspek kemukjizatan al-Quran itu adalah pada kefasihan lafaz-lafaznya, perumpamaannya serta kesempurnaan kata yang indah. Sehingga al-Quran mencapai kepada kesempurnaan bahasa yang tinggi serta tidak pernah ada bandingannya.

Ada juga yang berpendapat bahawa mukjizat itu terletak pada kesunyiannya dari pertentangan dan mengandungi maksud-maksud yang mendalam, mengandungi perbincangan pada perkara-perkara ghaib yang di luar kemampuan manusia, bahkan mereka tidak mampu untuk mengetahuinya.

Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa aspek mukjizat al-Quran adalah kerana mengandungi kelebihan-kelebihan yang nyata dan keajaiban yang suci dalam permulaan, pertengahan dan pengakhiran surah. Kelebihan-kelebihan tersebut ditunjangi oleh tiga unsur utama iaitu (i) kefasihan lafaz-lafaznya, (ii) kematangan makna-maknanya serta (iii) bentuk susunan yang indah dan memikat (Al-Sabuni, 1996).

Menurut al-Sabuni (1996) lagi, semua pendapat berikut tidak terkeluar dari orientasi yang sama iaitu orientasi 'bayaniyah' (penjelasan tentang kebenaran utusan Allah SWT, yang merupakan keistimewaan al-Quran itu sendiri. Sebenarnya mukjizat al-Quran hanya terbahagi kepada aspek falsafah dan *balaghah* nya (susunan prosa kata) sahaja, tetapi di sana ada aspek-aspek tertentu yang dikaitkan oleh ulama yang boleh dikatakan sebagai mukjizat al-Quran. Imam *Qurtubi* dalam tafsirnya *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran* menyebutkan sepuluh aspek mukjizat al-Quran, manakala *Imam al-Zarqani* dalam kitabnya *Manahil al-I'rfan* mencatatkan aspek mukjizat al-Quran pada pandangan ulama ada 16. Sebahagiannya termasuk apa yang disebut oleh Imam *Qurtubi* sendiri dan sebahagiannya tidak.

Secara kesimpulannya penulis berpandangan bahawa kehebatan al-Quran bolehlah diklasifikasikan kepada beberapa aspek utama sebagaimana yang digariskan oleh Manna' al-Qattan dalam *mabahith fi Ulum al-Quran*. Antaranya ialah aspek bahasa, keilmuan dan syariat yang mustahil ditandingi oleh sesiapa pun di alam ini. Allah SWT telah mencabar seluruh makhluk yang masih meragui kebenaran al-Quran agar mendatangkan sebuah kitab seperti nya. Namun begitu, sehingga kini tiada sesiapa pun yang berjaya. Firman Allah (SWT): "Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, Walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri"."Al-Isra' (17): 88.

Walaubagaimanapun, dalam membicarakan tentang tiga klasifikasi yang di atas penulis hanya menyentuh secara umum dan tidak berhasrat untuk membincang secara terperinci bagi setiap klasifikasi tersebut, begitu juga penulis akan menambah satu klasifikasi lagi iaitu mukjizat dari aspek perkhbaran tentang perkara ghaib (*ghaybiyyah*) kerana aspek tersebut merupakan salah satu pembahagian utama mukjizat al-Quran dan banyak dibincang oleh para sarjana terkemudian.

a) Mukjizat Dari Aspek Bahasa

Dalam membincangkan tentang bukti-bukti kemukjizatan al-Quran, bahasa merupakan satu aspek yang banyak diperkatakan oleh sarjana Islam. Ini kerana bersesuaian dengan masyarakat Arab di zaman penurunan al-Quran yang merupakan pakar-pakar kesusasteraan Arab tanpa ada tolok bandingan sehinggakan masyarakat Arab dan kesusasteraan menjadi sinonim. Mereka juga antara bangsa yang terawal yang menghargai nilai-nilai sastera dan telah disepakati oleh para ilmuwan sejarah (Muhammad 'Abduh, t.t).

Dalam apa jua aspek kemukjizatan al-Quran, tidak dapat lari daripada membandingkannya dengan peribadi Rasulullah SAW. Ini kerana kontradiksi yang timbul akan menjadi hujah yang nyata bahawa al-Quran bukanlah rekaan baginda Rasulullah SAW. Sebelum diangkat menjadi rasul, terkenal sebagai orang yang amanah (*al-amin*). Tetapi tidak pula dikenali sebagai sasterawan sama ada pemedato, deklamasi puisi atau penulis sastera Arab malahan tutur kata biasa baginda adalah berbeza dengan bahasa al-Quran (Abu Zuhrah, t.th.). Justeru ini merupakan bukti yang jelas tentang kekudusan sumber al-Quran.

Al-Quran meskipun diturunkan dalam bahasa Arab tetapi mempunyai gaya bahasa yang berlainan dari kebiasaan serta lebih tinggi nilai kesusasteraannya. Ini kerana al-Quran memiliki unsur-unsur puisi mahupun prosa (al-Baqillani, 1988:). Hasil daripada pemilihan *lafaz-lafaz* yang baik serta susunan yang menarik menjadikan al-Quran memiliki darjat kefasihan yang tinggi (al-khuttabi, t.th.). Malahan bahasa al-Quran sentiasa terpadu secara harmonis dengan makna yang ingin disampaikan (Muhammad ali Hassan, 1983).

Ayat-ayat al-Quran juga mengandung unsur-unsur keindahan bahasa (*balaghah*) yang boleh menarik pendengaran manusia supaya lebih berkesan kepada jiwa. Antaranya seperti penggunaan *tasybih*, *tamsil*, *isti'arah* dan *i'jaz*. Dalam penggunaan *tasybih* contohnya, al-Quran menjelaskan perkara-perkara abstrak dengan gambaran yang dapat dilihat dan dirasa. yang berunsurkan unsur-unsur alam tabii yang mana dapat memberi kesan kepada pendengar kerana dapat melihat unsur-unsur itu secara dekat.

Al-Quran juga selalu menggunakan satu *kalimah* atau beberapa *kalimah* pendek tetapi menunjukkan kepada maksud yang memerlukan syarahan yang panjang. Ini dipanggil *i'jaz*. Andainya ayat tersebut cuba ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Quran, maka tidak dapat sampai kepada maksud sebenarnya kecuali menggunakan penghuraian yang panjang (Thabbarah, t.th.).

Penurunan al-Quran dalam bahasa Arab sebenarnya mengandung hikmah yang penting dari dimensi kemukjizatan. Telah menjadi *sunnatullah* bahawa mukjizat adalah suatu yang tidak mampu ditandingi oleh umat nabi berkenaan. Andainya al-Quran tidak diturunkan dalam bahasa Arab, sudah tentu orang-orang Arab ketika itu dapat memberikan alasan bahawa ketidakmampuan mereka untuk menandingi al-Quran adalah kerana mereka tidak mengetahui bahasa yang digunakan (Muhammad al-Zafzaf, 1984). Justeru, tidak ada hujah yang kuat untuk mendakwa bahawa al-Quran adalah bukan kitab mukjizat. Firman Allah SWT.: "Dan kalaulah al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?" Fussilat (41): 44

Ketidakmampuan untuk menandingi al-Quran meskipun berulang kali dicabar, merupakan bukti yang jelas tentang kemukjizatan serta kekudusan sumber al-Quran (al-Zarkasyi, 1972).

b) Mukjizat Dari Aspek Syariat

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1989), *Fuqaha'* mengertikan syariat sebagai segala hukum yang diturunkan Allah kepada hamba-Nya bermatlamatkan supaya mereka beriman kepada-Nya yang boleh membawa kebahagiaan kepada mereka baik di dunia mahupun di akhirat. Hukum-hukum tersebut merangkumi hukum-hukum feqah, akidah dan akhlak

Berdasarkan definisi di atas, mukjizat al-Quran dari dimensi syariat bermaksud bahawa al-Quran merangkumi dasar-dasar hukum akidah, akhlak dan perundangan yang bersesuaian dan dapat diaplikasikan pada setiap ketika dan tempat tanpa mengira perbezaan cuaca dan warna kulit serta batasan waktu (Shihataah, t.th.).

Kesempurnaan syariat Islam ini adalah mustahil hasil garapan nabi Muhammad SAW. sendiri yang bersifat '*ummi*. Sejarah hidup Baginda menunjukkan bahawa dari kecil sehinggalah baginda diangkat menjadi Rasul, tidak pernah mempelajari sebarang sistem perundangan. Bahkan umat Arab pada masa al-Quran diturunkan juga tidak terikat dengan sebarang sistem perundangan yang tersusun dan sempurna sebaliknya berlandaskan tradisi jahiliah (Abu Zuhrah, t.th.).

Berhubung dengan perundangan pula, menurut Prof. Ahmad Syalaby (1988), terdapat lebih kurang 330 ayat kesemuanya dalam al-Quran yang menyentuh tentang perundangan. Ia merangkumi aspek kekeluargaan, ibadah, jenayah, muamalat, pentadbiran negara dan hubungan antarabangsa. Secara umumnya ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu (Badran Abu al-'Ainain, 1969)

i. *Ibadah* iaitu hukum-hukum yang mengaturkan hubungan manusia dengan Tuhan seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, bersedekah, berjihad, sumpah, nazar dan sebagainya.

Terdapat hampir 140 ayat yang menyentuh tentang ibadat di mana kebanyakannya disentuh secara menyeluruh. Tugas menghuraikan hukum tersebut diserahkan kepada Rasulullah SAW.

ii. *Mu'amalat* iaitu hukum-hukum yang mengaturkan hubungan manusia sesama manusia, sama ada hubungan individu dengan individu, individu dengan kumpulan atau kumpulan dengan kumpulan. Bahagian ini mengandungi hukum-hukum berikut:

1. Hukum-hukum yang berkaitan dengan keluarga seperti nikah, cerai, kewalian dan sebagainya. Ia mengandungi metode-metode membina keluarga dengan asas-asas yang kuat dan menerangkan hak dan kewajiban anggotanya. Di dapati 70 ayat al-Quran yang menyentuh hukum ini.
2. Hukum-hukum yang berkaitan dengan kira bicara seseorang mengenai harta, seperti jual beli, gadai dan seluruh akad. Terdapat 70 ayat yang menyentuh bahagian ini.
3. Hukum-hukum yang berkaitan dengan kehakiman, kesaksian dan bersumpah. 13 ayat yang menyentuh bahagian ini.
4. Hukum-hukum yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dan kesiksaan-kesiksaan (undang-undang jenayah Islam) dimana terdapat 30 ayat tentangnya.
5. Hukum-hukum yang berkaitan dengan peraturan hukum seperti sejauh mana hubungan hakim dengan yang dihukum dan menerangkan hak-hak dan kewajiban kedua-duanya (undang-undang perlembagaan). Terdapat 10 ayat menyentuh bahagian ini.
6. Hukum-hukum yang berkaitan dengan kira bicara negara Islam dengan negara lain. Sejauh mana hubungannya dengan negara-negara tersebut dan membentuk hubungan ini dalam masa aman dan perang serta hukum-hukum yang lahir darinya dan menjelaskan hubungan rakyat-rakyat asing dengan negara Islam. Terdapat 25 ayat yang menyentuh bahagian ini.
7. Hukum-hukum ekonomi iaitu hukum-hukum yang berkaitan dengan punca-punca hasil negara dan berkaitan dengan hak-hak seseorang terhadap harta orang kaya. Di dapati 10 ayat yang menyentuh bahagian ini.

Berdasarkan klasifikasi di atas, dapat dilihat bahawa syariat al-Quran menggabungkan hubungan di antara hamba dan Pencipta, serta interaksi sesama manusia dalam kehidupan. Ia adalah syariat yang syumul dan menyeluruh kepada golongan muslim dan bukan muslim. Pentaklifen syariat ini juga tidak dibezakan berdasarkan darjat dan keturunan (Abdul Halim El-Muhammady, 1993).

Syariat Islam diturunkan oleh al-Quran bertujuan menyelesaikan masalah manusia, memberi keselesaan dalam kehidupan dan menegakkan keadilan. Untuk tujuan ini, undang-undang yang diturunkan oleh Allah sudah tentu bersesuaian dengan keperluan, kemampuan dan tabiat manusia itu sendiri. Justeru, hukum-hukum al-Quran memiliki *al-i'jaz al-tasyri'i* yang memberi kebaikan bila diaplikasikan dalam kehidupan. Sebaliknya akan berlaku kemusnahan apabila diingkari (Abdul Halim El-Muhammady, 1993).

Syariat Islam telah melepasi 14 kurun. Tetapi tiada siapa yang dapat membuktikan kelemahan atau ketidaksesuaiannya untuk dipraktikkan. Yang menghalang adalah hawa nafsu.

Justeru, dapat ditegaskan bahawa syariat al-Quran adalah antara elemen yang jelas mengukuhkan pembuktian kemukjizatan al-Quran.

c) Mukjizat Dari Aspek Perkhawaran Tentang Perkara Ghaib.

Al-Quran banyak menceritakan tentang peristiwa-peristiwa silam dan juga peristiwa-peristiwa pada masa akan datang sama ada dekat atau jauh. Peristiwa-peristiwa ini dinamakan peristiwa ghaib kerana tidak dapat disaksikan semasa ayat-ayat tersebut diturunkan.

Kisah-kisah silam dalam al-Quran dapat dikategorikan kepada kisah-kisah para nabi dan rasul seperti dalam surah al-Baqarah ayat 246-247, surah al-An'am ayat 75-79, surah Yunus ayat 75-79, surah Maryam ayat 16-34, surah Taha ayat 12-53 dan surah al-Anbiya' ayat 80-83. Juga kisah orang-orang soleh seperti dalam surah al-Baqarah ayat 246-247, surah Ali Imran ayat 43-47, surah al-Kahfi ayat 9-20 dan 60-72 serta surah Maryam ayat 16-34. Kategori ketiga ialah kisah mereka yang mengingkari perintah Allah seperti kaum 'Ad, Tsamud, Fir'aun dan pengikutnya. Antaranya dapat dirujuk dalam surah Hud ayat 36-38, 77-83, 84-95 dan surah Taha ayat 85-89 (Juriah, 1998).

Kisah-kisah tersebut di atas dipaparkan dalam al-Quran bertujuan memantapkan jiwa Rasulullah SAW. dan juga orang-orang Islam di atas landasan kebenaran. Juga supaya mereka sentiasa bersabar dalam menghadapi penindasan dari golongan musyrikin. Antara lain, sebagai pengajaran kepada musuh-musuh Islam tentang akibat buruk yang akan menimpa mereka ('Abd al-Ghani, 1989).

Perkhawaran-perkhawaran yang telah diceritakan di dalam al-Quran adalah sebahagian daripada elemen kemukjizatan al-Quran kerana begitu kontradik dengan keadaan Rasulullah SAW. yang tidak tahu membaca dan menulis sebagaimana yang telah dinyatakan. Baginda juga tidak pernah berguru daripada mana-mana *ahlu al-kitab* atau ilmuwan lain sehingga dapat mengetahui kisah-kisah tersebut yang mana bertepatan dengan kandungan kitab-kitab *ahlu al-kitab* terdahulu. Baginda juga bukanlah seorang ahli nujum yang dapat meramalkan apa yang akan beraku pada masa akan datang. Justeru, ini membuktikan bahawa segala perkhawaran tersebut datangnya daripada yang Maha Mengetahui tentang perkara-perkar ghaib. Firman Allah (SWT): "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya." Yusuf (12): 3

d) Mukjizat al-Quran Dari Aspek Sainifik

Dalam al-Quran terdapat 750 ayat yang menyentuh tentang sains Perbincangan mukjizat al-Quran dari dimensi sains bertujuan untuk mendorong manusia agar sentiasa berfikir dan menggunakan minda untuk menambahkan khazanah ilmu pengetahuan (Tantawi, 1984).

Menurut Manna' Qattan (1981), mukjizat saintifik al-Quran bermaksud bahawa al-Quran telah membangkitkan kesedaran ilmiah pada diri setiap muslim. Hal ini adalah supaya umat muslim menggunakan kreativiti akal dalam memikirkan tentang alam semesta dan menambahkan pengetahuan. Semua metodologi saintifik yang telah mantap dan meyakinkan pada hari ini adalah manifestasi daripada anjuran al-Quran.

Manakala menurut Tabbarah (t.th.) mukjizat saintifik al-Quran merujuk kepada isyarat-isyarat tentang alam tabi'i yang terdapat dalam al-Quran. Isyarat-isyarat tertentu tidak diketahui pada zaman Baginda SAW. sebaliknya rahsianya telah tersingkap oleh kemajuan ilmu pengetahuan pada waktu kebelakangan ini. Isyarat-isyarat ini menunjukkan kepada kemukjizatan al-Quran kerana nabi Muhammad SAW. adalah seorang *'ummi* yang tidak tahu

menulis dan membaca. Di samping itu baginda lahir di Mekah yang bukannya tempat ilmu atau tempat sekolah yang mengajar ilmu-ilmu duniawi.

Hubungan antara bukti-bukti kebenaran dalam al-Quran dan alam tabii dipadukan melalui mukjizat al-Quran, mengukuhkan lagi gambaran tentang kekuasaan Allah SWT. disamping menjadi sumber pengajaran tentang kebenaran dan kemukjizatan kandungan al-Quran yang menjadi dalil yang kuat bahawa al-Quran tidak mungkin datang kecuali dari Allah.

Justeru, yang dapat disimpulkan bahawa terdapat perkaitan yang rapat di antara al-Quran dan juga alam tabii. Dalam konteks ini, menurut Sayyed Hossein Nasr (1976), Keduanya adalah kita Allah. Alam merupakan kitab Allah yang terbuka (*al-kitab al-maftuh*) yang tidak dibaca dan ditulis. Diibaratkan sebuah teks, alam bagaikan sehamparan bahan yang penuh dengan lambang-lambang (*ayat*) yang harus dibaca menurut maknanya. Al-Quran pula merupakan kitab yang dibaca (*al-kitab al-maqra'*) iaitu pandangan teks tersebut dalam bentuk kata-kata yang difahami oleh manusia

Ayat-ayat al-Quran yang berhubung dengan sains dapat diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu,

i. **Kategori pertama**

Penerangan secara umum sama ada ayat-ayat yang berhubung dengan subjek astronomi seperti di Salam surah Ali 'Imran (3) ayat 190 dan surah al-An'am (6) ayat 97. Subjek biologi pada surah al-Hajj (22) ayat 5 dan surah Yasin (36) Ayat 36. Subjek fizik seperti di dalam surah al-Anbiya' (21) ayat 30 dan ayat 104. Seterusnya pada subjek geologi seperti di dalam surah al-Naml (27) ayat 61 (Tantawi Jawhari, 1984).

ii. **Kategori kedua**

Secara khusus dan terperinci seperti dalam huraian tentang reproduksi manusia (Osman Bakar, 1977). Firman Allah (SWT): "Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu Dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta." al-Mu'minun (23): 12-14

Ayat-ayat di atas secara umumnya adalah menyentuh tentang fenomena alam tabii. Sebagaimana yang telah dinyatakan, pemaparan fenomena-fenomena tersebut dalam al-Quan adalah bertujuan mengajak manusia mengenal Penciptanya menerusi hakikat maujud yang terdapat di alam ini (Muhammad Noor Nabi, 1968).

Menurut Osman Bakar, kategori ayat-ayat al-Quran seperti di atas merupakan sumber yang jelas kepada asas metafizik (ilmu tauhid) dan kosmologi dalam sains Islam klasikal. Bahkan kepentingan ayat-ayat seperti itu dalam kebangkitan sains Islam pada masa kini dan akan datang tidak sedikit pun berkurangan. Al-Quran akan terus menjadi asas metafizik kepada sains Islam baik di masa lampau, dewasa ini dan mahupun pada masa akan datang (1993: 10). Kenyataan ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa al-Quran adalah kitab mukjizat yang kekal dan boleh diaplikasikan pada mana-mana zaman.

KESIMPULAN

I'jaz ialah ketidakmampuan mengerjakan sesuatu, lawan dari kekuasaan atau kesanggupan. Perkataan mukjizat berasal dari kalimah bahasa Arab اعجز (*a'jaza*) yang membawa maksud "melemahkan atau yang menjadikan kita tidak mampu". Pelakunya yang bersifat lemah dinamakan sebagai معجز (*mu'jiz*). Apabila kemampuannya untuk melemahkan pihak lain dilihat menonjol sehingga mampu membungkam lawan, maka ia dinamakan sebagai معجزة (*mu'jizat*). Al-Quran merupakan mukjizat yang paling istimewa dan utama di antara mukjizat-mukjizat lainnya. Ini adalah kerana dalam al-Quran terkandung pelbagai bentuk aspek kemukjizatan yang menjadi petunjuk kepada kehidupan manusia di dunia ini. Umumnya, hakikatnya Al-Quran itu adalah sebagai pemberi peringatan, pelajaran, batasan, mahupun hidayah supaya manusia dapat hidup dengan teratur, damai dan sejahtera. Berdampingan antara satu dengan yang lainnya dengan saling menghargai dan tolong menolong. Gambaran dari keseluruhan aspek kemukjizatan yang dapat di petik daripada al-Quran, jika umat manusia mengambil iktibar dan mengamalkannya, maka al-Qur'an akan menjadi sumber pedoman yang membawa kedamaian. Karena salah satu keistimewaan al-Quran adalah bersifat relevan sepanjang zaman.

Hal ini sudah dibuktikan melalui peristiwa-peristiwa yang di ceritakan dalam al-Quran itu sendiri. peristiwa tersebut telah terjadi di masa lalu, masa sekarang, mahupun masa yang akan datang. Dan sebahagian kecil dari bukti kemukjizatannya telah di buktikan sendiri kebenarannya oleh manusia. Bermula dari hal yang kecil hingga sesuatu yang sangat menggemparkan sejarah kehidupan manusia di atas muka bumi ciptaan Allah SWT. ini. Kesemua ini sudah tentu di gariskan pada kebesaran perancangan dan kemuliaan ilmu oleh Allah SWT. sebagai memberikan tanda-tanda atau isyarat halus kemukjizatan yang termaktub di dalam al-Quran.

RUJUKAN

- Abd al-Ghani Muhammad Sa'ad Barakah. 1989. *al-'Ijaz al-Qur'an Wujuhuhu wa 'Asraruhu*, cet.1. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali. 1967. *Jawahir al-Qur'an*. cet. 2. Mesir: al-Matba'ah al-Rahmaniyah.
- Abu Ishaq b. Musa al-Suyuti. t.th. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Dar al-Fikr
- Badr al-Din Muhammad bin Abdullah al-Zarkashi. 1972. *al-Burhan Fi Ulum al-Qur'an*. Mişr: Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah.
- Fakhr al-Din al- Razi. t.th. *al-Arba'in fi 'Usul al-Din*. cet. 1. Hyderabad:Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah.
- Ibn Manzur. 1975. *al-Munjid iī al-Lughah Wa al-A'lam*. Beirut. Dar al-Mashriq.
- Juriah Mohd Amin. 1998. *Kemukjizatan al-Quran dan Sains*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Zuhrah t.th. *al-Mu'jizat al-Kubra al-Qur'an*, Dar Fikr al-'Arabi.
- Quraish Shihab. 1994. *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peranan Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan.
- Sa'id Ramadan al-Buti. 1397H. *fiqh al-Sirah*. cet.5. Dar al-Fikr.
- Abdullah Tantawi Jawhari. 1931.. *Al-Jawahir Fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.